

# Industri: Negara Islam perlu persediaan rapi

UM 19 AUG 2001

Daripada OTHMAN MOHAMAD

SANA'A 18 Ogos Negara-negara Islam di seluruh dunia berupaya menjadi negara perindustrian asalkan mereka membuat persediaan rapi termasuk dasar yang boleh menarik minat pelabur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, berdasarkan pengalaman Malaysia, tiada sebab bagi negara-negara Islam memasuki proses perindustrian dalam usaha mengejar kemajuan dan pembangunan.

"Tiada alasan mengapa negara-negara Islam tidak boleh melalui proses perindustrian," katanya sambil menyatakan Malaysia senang hati apabila dapat berkongsi pengalaman dengan negara-negara Islam lain mengenai bagaimana Malaysia dapat memasuki proses perindustrian menerusi dasar perindustrian.

Beliau memberitahu demikian pada sidang akhbar di akhir lawatan empat hari ke Yemen, di Republican Palace, di sini.

Setelah Yemen Utara dan Selatan bergabung lebih sedekad lalu, Yemen, sebuah negara Islam di Asia Barat, mula memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi terutama dalam industri dan perdagangan.

Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan negara-negara yang mahu memasuki proses perindustrian perlu menyediakan undang-undang yang perlu agar ia berupaya menarik perhatian pelabur tempatan serta asing.

Sambil memberitahu bahawa ekonomi Malaysia sebelum ini bergantung kepada getah, kelapa sawit dan timah, beliau berkata, sebanyak 82 peratus eksport Malaysia kini adalah terdiri daripada barangan pembuatan.

Mengenai hasil lawatannya ke republik ini, Dr. Mahathir berkata, Malaysia berkeyakinan ia dapat meningkatkan lagi dagangan antara Malaysia dan Yemen serta kerjasama ekonomi dan sektor-sektor lain.

Katanya, lawatan ini membolehkan pihak Malaysia termasuk para pengusaha yang menyertai rombongannya dapat meninjau dari lebih dekat peluang-peluang pelaburan dan kerjasama di antara Malaysia dan Yemen.

Katanya, pihak Malaysia mendapati terdapat potensi dalam usaha mencari gali petroleum, penapisan minyak serta perdagangan komoditi itu di Yemen.

"Selain itu Malaysia melihat potensi Pelabuhan Aden di pinggir Laut Merah sebagai tempat yang boleh digunakan untuk mengedarkan barangan Malaysia ke negara-negara sekitar Yemen termasuk sebahagian negara di Afrika," jelasnya lagi.

## Tumpuan

Pada masa yang sama, kata beliau, pihak Malaysia akan melihat kemungkinan meningkatkan pembelian barangan keluaran Yemen termasuk barangan berasaskan kapas untuk kegunaan sendiri dan juga bagi dipasarkan semula ke pasaran negara lain.

Pada masa ini eksport Malaysia ke Yemen bernilai RM161 juta setahun manakala import dari Yemen pula bernilai RM67 juta.

Eksport Malaysia kebanyakannya terdiri daripada barangan berasaskan kelapa sawit, kayu bergergaji, papan lapis, perabot dan barangan elektrik manakala import Malaysia pula terdiri daripada minyak mentah, makanan laut yang dibekukan, buah-buahan serta barangan kulit.

Sementara itu Perdana Menteri

menegaskan bahawa kerajaan tidak berasa bimbang terhadap para penuntut Malaysia di luar negara selagi mereka memberi tumpuan penuh kepada pengajian mereka.

Semasa menjawab satu pertanyaan wartawan Yemen, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa demokrasi tidak bermakna kerajaan perlu berubah setiap kali pilihan raya diadakan seperti tafsiran media Barat, dan di Malaysia kerajaan yang ada terus dipilih oleh rakyat kerana ia berjaya membawa pembangunan dan kemajuan.

Bukti Malaysia mengamalkan demokrasi juga nyata kerana setelah 10 kali pilihan raya umum, ramai calon pembangkang menang dan ketika ini parti pembangkang juga dapat membentuk kerajaan di dua buah negeri, jelasnya sambil menegaskan jika tidak wujud demokrasi di Malaysia parti pembangkang tidak akan mempunyai peluang sedemikian.

"Kita tidak percaya kepada bentuk demokrasi liberal Barat yang membolehkan seseorang lakukan apa sahaja yang mereka suka sehingga menjejaskan kehidupan orang lain seperti mengadakan demonstrasi dan sebagainya.

"Bagi kami demokrasi bermakna semua rakyat bebas memilih kerajaan...jika tidak suka pilih orang lain," katanya.

Terdahulu, Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali melawat bandar lama Sana'a di sini, yang menonjolkan penempatan yang dibuka lebih 400 tahun lalu. Kerajaan Yemen mengekalkan keaslian seni bina bandar bersejarah itu yang diiktiraf oleh Unesco sebagai warisan dunia.

Dr. Mahathir dan isteri kemudian berlepas ke Kampala, Uganda untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan (SAID). — Utusan